

1,364 keldai akaun ditahan di Selangor

Sebahagian besar mangsa penipuan keldai akaun terdiri daripada suri rumah

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR
KUALA SELANGOR

Polis Selangor menahan 1,364 individu termasuk 436 wanita disyaki menjadi keldai akaun kepada sindiket penipuan dalam talian atau scam di negeri tersebut sejak Januari hingga Jun lalu.

Ketua Polis Selangor, Datuk Arjunaidi Mohamed berkata, suspek yang terlibat dalam kes penipuan itu sebahagian besar berusia lingkungan 20 hingga 40-an.

Menurutnya, daripada jumlah itu, sebanyak 60 peratus pertuduhan sudah dibawa ke mahkamah atas pelbagai kesalahan kerana membenarkan akaun bank digunakan untuk aktiviti jenayah.

"Sebahagian besar mangsa penipuan keldai akaun ini terdiri daripada suri rumah yang mudah terpengaruh dan menjadi mangsa penipuan.

"Mereka mungkin terpengaruh dengan tawaran diberikan antaranya menerima imbuhan antara RM100 hingga RM600 setiap kali penjenayah meminta menggunakan akaun mereka bagi tujuan



Arjunaidi (dua dari kiri) menjadi pengadil sebagai simbolik kepada pertandingan tarik tali antara polis dan penduduk kampung pada Ahad.

penipuan kewangan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas Majlis Pelancaran Taman Angkat Skuad Aman Wanita (Amanita) di Taman Penggawa Kuala Selangor di sini pada Ahad.

Arjunaidi berkata, modus operandi digunakan keldai akaun antara lain mencari mangsa untuk meminta sewa akaun bank terutama di media sosial.

"Sebahagian besar kes ini, mangsa tidak mengenali penjenayah yang menjalankan kegiatan itu di media sosial.

"Mereka beri nombor akaun bank kepada penjenayah untuk disewa malah

ada juga memberikan kad ATM (kad mesin juruwang automatik) kepada ah long," ujarnya.

Tegas beliau, ramai individu yang terlibat dalam keldai akaun pernah menjadi mangsa sebelum ini melakukan jenayah sama untuk memerangkap mangsa lain.

"Dari segi pecahan jantina pula, kita dapati sebahagian besar adalah lelaki (928 individu lelaki) manakala 436 wanita," tegasnya.

Jelasnya, mereka yang terlibat dalam kegiatan itu disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan dan 424 kanun sama.